

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN WONG CHEN [SUBANG]

TARIKH : 17 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN WONG CHEN [SUBANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Ahli-Ahli Parlimen boleh diberi akses penuh kepada syarat penuh perjanjian penyelesaian 1MDB-Goldman Sachs dan berikan perincian aset curian bernilai AS\$1.4 bilion yang telah dijamin oleh Goldman Sachs.

JAWAPAN

**YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan perjanjian penyelesaian antara Kerajaan Malaysia, 1MDB dan Menteri Kewangan (Diperbadankan) dengan Goldman Sachs (selepas ini dirujuk sebagai Perjanjian Penyelesaian 1MDB-Goldman Sachs), terdapat klausa yang memperuntukkan bahawa segala terma dan syarat dalam Perjanjian Penyelesaian 1MDB-Goldman Sachs adalah terikat dengan klausa kerahsiaan melainkan dipersetujui sebaliknya oleh pihak-pihak kepada Perjanjian itu. Klausa kerahsiaan ini juga terpakai bagi peruntukan mengenai jaminan AS\$1.4 bilion daripada Goldman Sachs ke atas aset curian.

Oleh yang demikian, berdasarkan klausa kerahsiaan tersebut, Kerajaan tidak dapat memberikan akses kepada perincian Perjanjian Penyelesaian 1MDB-Goldman Sachs sebagaimana yang dipohon untuk mengelakkan sebarang tindakan undang-undang diambil akibat pelanggaran terma perjanjian. Sekian, terima kasih.